

**TEU**

Kesatuan Pek2 Perusahaan Alat2 Pengangkutan dan Sekutu  
Transport Equipment and Allied Industries Employees Union

# LAPURAN TAHUNAN



# 1973-74

"LET OUR UNION BE NOT SWALLOWED BY GREEDY FANGS" A.O.C.U.

MESTYARAFAGUNG TAHUNAN KETIGA PADA 15HB. SEPTEMBER, 1974

DI DEWAN HAMZAH KELANG, SELANGOR

ND.

KANDUNGAN

MUKA

1.	Pendahuluan	.....	1
2.	Ahli Jawatankuasa Tertinggi	.....	3
3.	Minit Mesyuarat Agung Luar Biasa	.....	4
4.	Perundingan Perjanjian Bersama	.....	6
5.	Ahli Jawatankuasa Kerja	.....	8
6.	Pertikalaan	.....	14
7.	Organisasi dan Keahlian	.....	17
8.	Kegiatan dan Pelajaran	.....	20

NO.

CONTENTS

PAGE NO.

1.	Introduction	.....	1
2.	Executive Council	.....	3
3.	Minutes of the Emergency General Meeting...	.....	5
4.	Collective Bargaining & Negotiation	.....	6
5.	Workd Committees	.....	9
6.	Disputes	.....	13
7.	Organisation and Membership	.....	16
8.	Activities and Education	.....	20

## KATA-KATA PENDAHULUAN

Saudara Kaum Pekerja Sekelian,

Saya ingin menyampaikan dengan ringkas perihal Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang ada sekarang ini dan juga kejayaan dan kegagalan perjuangan kita di-masa lampau, di-masa 1973/1974.

Menimbangkan di-antara kejayaan dan kegagalan, saya berasa bangga untuk menyatakan bahawa kita ada membuat kejayaan yang memuskan hati dan juga sedikit kegagalan di-dalam perjuangan kita.

Kita patutlah mempunyai keberanian dan insperasi untuk menghadapi segala gertak-gertak majikan seperti:- Pergantongan kerja, pemuangan kerja, dan amaran yang di-berikan oleh majikan. Tetapi ini adalah satu cara hidup kita untuk menghadapi penghidupan. Gertakan-gertakan seperti ini pernah di-terima selalu oleh ahli-ahli kita di-semua Kilang.

Tidaklah senang bagi kita menyatakan yang semua masalah-masalah ini dapat di-selesaikan antara Kesatuan dengan Majikan. Kita akan bernasib baik jika kebanyakan masalah dapat di-selesaikan tanpa di bicarakan di peringkat tinggi, seperti di peringkat Mahkamah Perusahaan dan Pegawai Pegawai Perhubungan Perusahaan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Dengan cara persafahaman antara pihak majikan, kita dapat menyelesaikan masalah ini di-meja perundingan.

Apabila Jawatankuasa Tertinggi mengambil alih pentadbiran pada bulan Mei, 1974, ahli ahli yang berhak ialah sebanyak 2,000 orang. Pada masa saya menyiapakan laporan ini, bilangan ahli-ahli Kesatuan kita ialah lebih kurang 4,000 orang, saya sungguh kagum. Apabila ahli-ahli meningkat naik sudahlah menjadi kebiasaan banyaknya masalah masalah yang di hadapi sekarang.

Dukacita kami nyatakan di sini, iaitu kami Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi bukan mendapat pertolongan dan kerjasama dari ahli-ahli kita sendiri di dalam apa apa hal pun. Umpamanya, apabila kita, menghadapi masalah dan di bicarakan di Pejabat Pegawai Perhubungan Raya, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, kita selalu terperanjat kerana ahli-ahli kita sendiri ragu ragu untuk berpihak kepada kesatuan. Sebaliknya, mereka menjadi saksi di pihak majikan. Anda sekelian akan hairan mengapa ahli-ahli kita sendiri berpihak kepada majikan. Jawapannya senang sahaja, mungkin majikan berjanji hendak memberi kenaikan pangkat kepada mereka, selagi mereka ini berganding bahu dengan majikan. Inilah yang menyebabkan salah faham di antara pekerja-pekerja sendiri.

Saudara ku sekelian, sekalilagi saya menyuarakan kepada anda dan selalu sedar dan bertanyakan apakah maknanya, "KESATUAN". Ertinya senang sahaja di perkatakan bersatupadu. Dan inilah maknanya yang sebenar. Jika kita selalu berbalah sesama sendiri, saya dengan positifnya menyatakan yang kita akan selalu kalah untuk menentang majikan majikan yang kapitalis.

Dengan keseluruhannya saya menyatakan di sini, sokongan penuh kepada Kesatuan hendaklah datangnya daripada hati yang ikhlas dari tiap tiap pekerja. Dan mereka hendaklah sedar bahawa Kesatuan adalah tempat perlindungan mereka. Jika ingatan ini selalu berada di dalam kepala mereka, sudah tentulah kita akan dapat menentangi segala kejahatan musuh kita yang ketat iaitu majikan. Janganlah sekali sekali kita menyerahkan diri kita kepada majikan yang tidak mempunyai fikiran yang waras ini. Oleh itu hendaklah kita sedar, bahawa bersatu padu kita tegoh dan berceraai kita roboh. Sebab inilah menjadi satu masalah besar bagi kami Ahli Jawatankuasa Tertinggi untuk menjaga nama baik kesatuan, "Kesatuan Pekerja Pekerja Perusahaan Alat Alat Pengangkutan dan Sekutu".

Sudah tentu anda sekalian tahu bahawa Jawatankuasa Tertinggi Kesatuan kita adalah satu badan yang memegang kuasa penuh degala arahan arahnya. Tetapi dukacita di nyatakan kebanyakan ahli ahlinya selalu bergaduh sesama sendiri. Jika kejadian ini selalu berlaku bagaimanakah kita yang memegang jawatan di majlis tertinggi ini dapat menunjukkan tauladan yang baik kepada ahli ahli kita yang lain. Boleh jadi hendak mengujjudkan persafahaman di antara ahli ahli akan menjadi masalah. Sudah tentu, mengapa tidak? Oleh itu, Wahai saudara ku sekalian, ingin saya menyampaikan kepada saudara nasihat yang berguna - Pilehlah pemimpin yang saudara percayai dan yakinlah yang ianya akan mengambil berat di atas nasib pekerja, dan isinya akan berada di dalam pentadbiran pejabat buat masa yang akan datang. Bukan sahaja calun yang betul menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh pekerja-pekerja nya menjadi saorang penyuaranya pekerja-pekerja tidaklah cukup. Ia hendaklah liberal di dalam apa apa jua yang ianya menghadapi. Pilehlah calun saudara dengan berhati hati yang akan memberi faedah kepada saudara jua.

Sebelum saya berundur diri, saya menyerukepada saudara sekalian, marilah kita bersatupadu di bawah naungan bendera kesatuan yang kita semua cintai. Janganlah ada sikap berlainan hendaknya di antara orang yang di atas dengan ahli ahli biasa. Biasalah selalu ada keamanan dan cinta kasih sesama kita. Marilah kita bersama mara kehadiran untuk faedah kita semua di bawah naungan bendera, "Kesatuan Pekerja Pekerja Perusahaan Alat Alat Pengangkutan dan Sekutu. Di manakah adanya perjanjian di antara sitamak dengan yang sederhana dan di manakah adanya keamanan di antara sikaya dengan simiskin.

BAGI PEHAK AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI

  
MICHAEL S/O ADAIKALASAMY

UNTUK: SDR. CHARLES MAH YONG HWEI  
PEMANGKU SETIAUSAHA AGUNG

AHLI AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI - 1973/1974

- |     |                                |     |   |
|-----|--------------------------------|-----|---|
| 1.  | Saudara Basri bin Hj. Ahmad    | ... | Presiden                                    |
| 2.  | Saudara Samsuddin Samian       | ... | Naib Presiden<br>(Berhenti - 15.12.73)      |
| 3.  | Saudara Mohd. Hamid            | ... | Naib Presiden<br>(di lanti - 22.3.74)       |
| 4.  | Saudara A. Arumugam            | ... | Setiausaha Agung<br>(Berhenti - 31.5.74)    |
| 5.  | Saudara Charles Mah Yong Hwee  | ... | Pemangku, Setiausaha Agung                  |
| 6.  | Saudara Mun Chee Wah           | ... | Bendahari<br>(di berhentikan - 17.3.74)     |
| 7.  | Saudara Wong Teck Min          | ... | Pemangku Bendahari<br>(di lantik - 23.3.74) |
| 8.  | Saudara Micheal Samy           | ... | Ahli Jawatankuasa Tertinggi                 |
| 9.  | Saudara Jamaluddin Mandak      | ... | " "   |
| 10. | Saudara Micheal Foong Chin Bee | ... | " "   |
| 11. | Saudara Balakrishnan           | ... | " "   |
| 12. | Saudara Hadi b. Salim          | ... | " "   |
| 13. | Saudara Osman b. Md. Nor       | ... | " "<br>(Berhenti - 31.5.74)                 |

NOTA

Sesungguhnya, baik juga saudara sekalian mengambil tahu mengapa saudara Mun Chee Wah telah di lucutkan jawatannya dari menjadi Bendahari - mungkin sebilangan daripada saudara merasa bingung dan tidak faham sedalamnya yang menyebabkan beliau di lucutkan dan di tendang dari jawatan kuasa Tertinggi. Saya mahu memberi sebab sebab mengapa pehak jawatankuasa Tertinggi mengambil tindakan yang begitu keras sekali terhadap beliau. Di masa beliau memegang jawatan Bendahari beliau terlalu tamak dan cuba mengambil tahu di dalam hal Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain, terutama sekali mengenai pentadbiran kesatuan. Beliau suka monopoli kegiatan kesatuan dengan tidak mendapat apa apa keheharaan daripada Jawatankuasa Tertinggi.

Selepas perlucutan jawatan Bendahari Saudara Mun Chee Wah, Jawatankuasa Tertinggi telah mencadangkan saudara Wong Teck Min di lantik menjadi Pemangku Bendahari. Perlantikan Saudara Wong Teck Min, telah di persetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi dan juga dengan Kuatkuasa Perlembagaan Kesatuan kita - Fasal 12 Clause 8. Perlantikan ini kuatkuasa pada 27hb. Mei, 1974.

Sekarang marilah kita renung kembali kepada perletakan jawatan dari Ahli Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Saudar Samsuddin Samian, bekas Timbalan Presiden telah meletakkan jawatan nya dari Syarikat General Motors (M) Sdn. Bhd., Johore Bahru, pada 16hb. Disember, 1973.

Dan Saudara Mohammed Hamid telah di jemput oleh Jawatkuasa Tertinggi untuk memenuhi kekosongan ini. Beliau telah menerima permintaan ini dengan penuh ikhlas . Yang sebenarnya di masa pilehan yang di adakan pada yang lampau, beliau ada bertanding untuk tempat Timbalan Presiden. Beliau telah mendapat bilangan undi yang memuskan yang mana membolehkan beliau memegang jawatan Timbalan Presiden. Beliau memegang Jawatan ini pada 23hb. Mach, 1974.

Saudara A. Arumugam bekas Setiausaha Agung terpaksa meninggalkan jawatnnya keran beliau telah di naikkan pangkat sabagai "Foreman" di tempat beliau bekerja, Syarikat Associated Motor Industries. Beliau adalah salah seorang daripada Jawatankuasa Tertinggi yang dapat menyempurkan perjanjian sekumpul "Collective Agreement" dengan Persatuan Pemasang Pemasang Kereta Kereta Motor dan Kesatuan Kita. Dan di tandatangani bersama pada 20hb. Disember, 1972. Kerana kenaikan pangkat "Foreman" beliau terpaksa meninggalkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung. Dan juga di sebabkan oleh perlombongan Kesatuan Kita tidak mengizinkan sa seorang ahlinya memegang dua jawatan. Oleh kerana peletakan resmi beliau dari jawatan Setiausaha Agung, maka dengan secara otomatik Saudara Charles Mah Yong Hwee di lantik menjadi Pemandu Setiausaha Agung dengan kuatkuasa di turunkan yang sama.

Tetapi dukacita di nyatakan bahawa kedudukan saudar Charles Mah Yong Hwee sebagai Pemandu Setiausaha Agung adalah di dalam keadaan Waswas. Sebagai sa orang pekerja Syarikat Hargill Engineering Sdn. Bhd., beliau juga termasuk di dalam senarai nama nama pekerja yang telah di buang kerja oleh majikan tersebut. Pekerja ini telah di kemukakan ke mahkamah Perusahaan untuk mendapat penyelesaian. Hanya menunggu keputusan dari Mahkamah ini yang memakan masa dua bulan. Dan bagi kami untuk menimbangkan sama ada beliau ini sah atau pun tidak bagi memegang jawatan Pemandu Setiausaha Agung. Sungguhlah sedih di atas perkara ini.

Jika merenong kembali di atas kedudukan beliau, kita benar memperkatakan yang beliau ini tidak sah lagi memegang apa apa jawatan mustahak di dalam Kesatuan Pekerja Pekerja Perusahaan Alat Alat Pengangkutan dan Sekutu. Pehak kesatuan pentadbiran Sekerja Malaysia telah membuktikan beliau tidak boleh memegang apa apa jawatan yang tinggi dalam kesatuan.

Oleh kerana tiada jalan yang lain lagi, Presiden sendiri sekarang ini mempunyai kuasa untuk memilih daripada Ahli Ahli Jawatankuasa Yang lain bagi memegang pentadbiran kesatuan mengikut Perlembagaan Kesatuan Kita Fasal 12 Bahagian 8. Dengan itu Saudara Presiden telah mengangkat saudara Micheal samy yang terlama sekali di antara Ahli Ahli Jawatankuasa Tertinggi untuk memegang pentadbiran kesatuan bagi pehak Pemandu Setiausaha Agung. Perlantikan beliau berkuatkuasa pada 6hb. Ogos, 1974.

Saudara Osman bin Mohammed Nor, bekas Ahli Jawatankuasa Tertinggi telah meletakkan jawatan dari Ahli Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan juga Kesatuan, di sebabkan beliau juga telah di naikkan pangkat "Foreman" seperti Saudara A. Arumugam.

Perletakan Jawatan beliau dari Jawatankuasa Tertinggi berkuatkuasa pada 31hb. Mei, 1974.

Saudara Jamaluddin juga meletakkan jawatan dari Jawatankuasa Tertinggi dan kesatuan pada 25hb. November, 1973. Beliau juga meletakkan jawatan nya di Syarikat Asia Automotive (M) Sdn. Bhd., Beliau berlepas ke seberang laut dalam pertengahan bulan Desember, 1973. Tempat beliau di ganti oleh saudara Micheal Foong Chin Bee dengan kuatkuasa 26hb. November, 1973.

Walaupun telah banyak perletakan jawatan seperti mana saudara sekalian boleh lihat, namun begitu Jawatankuasa Tertinggi cukup suara untuk meluluskan satu perkara di masa mesyuarat. Dengan itu terselamatlah Jawatankuasa Tertinggi daripada tidak bergerak dengan sempurna. Semasa saya menyiapkan laporan ini, saya merasa bangga untuk menyatakan bahawa telah berjaya mengadakan 11 kali mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi dengan di ikuti pula 10 kali mesyuarat tergempar EXKO. Juga di saat ini, pehak Jawatankuasa Tertinggi telah berjaya mengadakan mesyuarat bersama di antara Jawatankuasa Tertinggi dengan Jawatankuasa Kerja. Patutlah kita banggakan kejayaan ini.

#### MESYUARAT AGUNG TERGEMPAR

Mesyuarat ini telah di adakan di dalam keadaan mesra dan bertempat di Dewan Kesatuan Pekerja Pekerja Pengangkutan, Jalan Barat, Petaling Jaya, Selangor, Pada 2hb. Disember, 1973. Agenda utama ialah mengesahkan laporan kira kira tahun 1972/1973. Sunguh sungguh dukacita lalu juru odit luar telah lambat menghantar kembali laporan kira kira ini setelah di odit oleh mereka. Telah di cadangkan pindaan bagi undang undang hendaklah di buat dengan segera.

Bukan sahaja sebab sebab yang di berikan seperti di atas, juga kerana bilangan kedatangan ahli ahli di masa itu sangatlah tidak memuaskan Mengikut Perlembagaan Kesatuan kita sekurang kurangnya 50% daripada jumlah kedatangan ahli ahli adalah di wajibkan kalau kita betul betul handak membuat pindaan terhadap undang undang untuk menjagakan kemahuan ini, maka saya merayu kepada saudara sekalian datanglah beramai ramai ke mesyuarat agung tahunan yang akan di adakan nanti, supaya dapat kita semua mengambil tindakan membuat pindaan terhadap Perlembagaan kita.

Kembali kita berkenaan mesyuarat di atas tadi, Laporan kira kira tahun 1972/1973 di luluskan. Dan juga perlantikan resmi dua orang juru kira undi sebagai ganti juru kira undi lama yang telah meletakkan jawatan kesemua dari Syarikat Cycle and Carriage (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Ahli ahli Jawatankuasa Tertinggi yang menghadiri mesyuarat adalah seperti di bawah ini:-

- |                                    |       |                           |
|------------------------------------|-------|---------------------------|
| 1. Saudara Basri Haji Ahmad        | ..... | Presiden                  |
| 2. Saudare Samsuddin Samian        | ..... | Naib Presiden             |
| 3. Saudara A.Arumugam              | ..... | Setiausaha Agung          |
| 4. Saudara Charles Mah Yong Hwee   | ..... | Penolong Setiausaha Agung |
| 5. Saudara Mun Chee Wah            | ..... | Bendahari                 |
| 6. Saudara Michael Sammy           | ..... | Ahli J/Kuasa Tertinggi    |
| 7. Saudara Daman Md Noor           | ..... | -do-                      |
| 8. Saudara Balakrishnan P.         | ..... | -do-                      |
| 9. Saudara Wong Teck Min           | ..... | -do-                      |
| 10. Saudara Michael Foong Chin Bee | ..... | -do-                      |
| 11. Saudara Abdul Hadi Salim       | ..... | -do-                      |

Saudara Balakrishnan P, telah menjadi Jurucara pada hari itu.

Saudara Presi den dan Setiausaha Agung telah mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli ahli seperti mana yang telah perkataan terlebih dahulu tidak ada ubahan perlembagaan di buat kerana tidak cukup perseen ke datangan ahli ahli. Oleh Kerana tidak ada apa lagi yang hendak di bincang ken maka maka mesyuarat di tutup pada pukul 2,00 petang, dengan udian mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi.

PERJANJIAN SEKUMPOL

Setelah perlantikan Jawatankuasa Tertinggi yang kedua bagi mengambil alih pentadbiran dalam bulan Mei, 1974. Syarikat General Motors (M) Sdn Bhd dan Hergill Engineering tidak termasuk dalam perbincangan ini. Setelah ber-mesyuarat, barulah mendapat penyelesaian.

Syarikat General Motors (M) SDN BHD

Yang mewakili pihak Kesatuan adalah seperti berikut:-

Ahli ahli Jawatankuasa Tertinggi:-

- |                               |       |                      |
|-------------------------------|-------|----------------------|
| 1. Saudara Basri HJ Ahmad     | ..... | Presiden             |
| 2. Saudara A.Arumugam         | ..... | Setiausaha Agung     |
| 3. Saudara Mun Chee Wah       | ..... | Bendahari            |
| 4. Saudara Kassim Awang       | ..... | Pengerusi J/K/Kerja  |
| 5. Saudara Vicent Oh          | ..... | Setiausaha J/K/Kerja |
| 6. Saudara Md Tahir b Md Said | ..... | Bendahari J/K/Kerja  |

..... g/.....

Syarikat Hargilli Engineering (M) SDN BHDAHLI AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI

- |    |                               |                      |
|----|-------------------------------|----------------------|
| 1. | Saudara Basri Hj. Ahmad       | Presiden             |
| 2. | Saudara A. Arumugam           | Setiausaha Agung     |
| 3. | Saudara Mun Chee Wah          | Bendahari            |
| 4. | Saudara Md Aris               | Pengerusi J/K/Kerja  |
| 5. | Saudara Charles Mah Yong Hwee | Setiausaha J/K/Kerja |
| 6. | Saudara Lee Chee Hong         | Bendahari J/K/Kerja  |
| 7. | Saudara Jeremiah D. Paul      | Ahli J/K/Kerja       |

Kedua pehak menanda tangani perjanjian ini di Pejabat Perhubungan Perusahaan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada 30hb. Julai, 1973. Kami mendapati bahawa perjanjian adalah yang terbaik sekali jika di bandingkan dengan yang lain lain bagi tahun 1973.

Syarikat Raliegh Cycle (M)

Kesatuan kita telah mewakili syarikat ini dengan di padukan oleh Saudara Mun Chee Wah. Selepas berpuas puas, untuk mengujudkan kesatuan di syarikat ini akhirnya telah mendapat pengiktirafan pada tahun 1973.

Perjumpaan pertama bagi membincangkan perjanjian Sekumpul telah di adakan kemudiannya yang mewakili kesatuan adalah seperti berikut.

AHLI AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI:

- |    |                               |                             |
|----|-------------------------------|-----------------------------|
| 1. | Saudara Charles Mah Yong Hwee | Penolong Setiausaha Agung   |
| 2. | Saudara Mun Chee Wah          | Bendahari                   |
| 3. | Saudara Abdul Hadi Salim      | Ahli Jawatankuasa Tertinggi |

Selepas beberapa lama berbincang, akhirnya perjanjian telah di capai dan di tandatangani pada 23hb. Mach, 1974.

Mewakili Kesatuan:

- |    |                              |                             |
|----|------------------------------|-----------------------------|
| 1. | Saudara A. Arumugam          | Setiausaha Agung            |
| 2. | Saudara Wong Teck Min        | Ahli Jawatankuasa Tertinggi |
| 3. | Saudara Rashid Salud         | Pengerusi J/K/Kerja         |
| 4. | Saudara Narayanasamy         | Timb. Pengerusi J/K/Kerja   |
| 5. | Saudara Hamid Yeop Muhiiddin | Setiausaha J/K/Kerja        |

Syarikat Hercules Automotive Engineering (M) SDN BHD.

Saudara Abdul Hadi Salim mengujudkan Kesatuan di Syarikat ini dan kemudian perlincongan perjanjian sakumpul di ikuti pula.

Sclapas beberapa lama berbincangan ini adakan, akhirnya persetujuan tercapai. di antara kedua pihak dan di tandatangani pada 27hb. Jun, 1974.

Sukacita di nyatakan bahawa perjanjian adalah serupa dengan perjanjian Persatuan Pemasang Pemasang Kereta Kereta Motor Malaysia Barat.

Yang Mewakili Kesatuan:-

- |    |                               |     |                             |
|----|-------------------------------|-----|-----------------------------|
| 1. | Saudara Charles Mah Yong Hwee | ••• | Timb. Setiausaha Agung      |
| 2. | Saudara Wong Teck Min         | ••• | Ahli Jawatankuasa Tertinggi |
| 3. | Saudara Marikan Thangavelu    | ••• | Pengerusi S/K/Kerja         |
| 4. | Saudara Voon Kong Sang        | ••• | Timb. Pengerusi S/K/Kerja   |
| 5. | Saudara Alias Salim           | ••• | Bendahari S/K/Kerja         |

NAMA AHLI AHLI JAWATANKUASA KERJA BAGI TAHUN 1973/1974

Syarikat Automobile Industries (M) Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor

Nama nama Ahli

Pangkat Rasmi

- |                              |       |                    |
|------------------------------|-------|--------------------|
| (1) Saudara Lim Fook Kwan    | ..... | Pengerusi          |
| (2) Saudara Abd Rahman Abass | ..... | Timbalan Pengerusi |
| (3) Saudara Ismail Sahaddan  | ..... | Setiausaha         |
| (4) Saudara Wong Wing Yin    | ..... | Bendahari          |
| (5) Saudara Boon Pin Siew    | ..... | Ahli J/Kuasa Kerja |
| (6) Saudara Wan Ismail       | ..... | -do-               |
| (7) Saudara Athmalingan      | ..... | -do-               |
| (8) Saudara Abd Hamid Abu    | ..... | -do-               |
| (9) Saudara Shahabuddin      | ..... | -do-               |
| (10) Saudara Liew Tet Shoon  | ..... | -do-               |
| (11) Saudara Adimooloom Dass | ..... | -do-               |
| (12) Saudara Muthusamy       | ..... | edd                |
| (13) Saudara Tan Sei Hi      | ..... | -do-               |
| (14) Saudara Aw Seng Chin    | ..... | -do-               |
| (15) Saudara Satari Bajuri   | ..... | -do-               |
| (16) Saudara Lee Yoke Kong   | ..... | -do-               |

Perhatian:- Lapuran Jawatankuasa Kerja tidak terima kerana kesuntukan masa. Minta di maafkan atas perkara ini.

Syarikat Associated Motor Industries (M) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

Nama nama Ahli

Jawatan Rasmi

- |                                |       |                         |
|--------------------------------|-------|-------------------------|
| (1) Saudara Ahmad Mohammad     | ..... | Pengerusi               |
| (2) Saudara Alias Mohammad     | ..... | Timbalan Pengerusi      |
| (3) Saudara Michael Foong      | ..... | Setiausaha              |
| (4) Saudara Osman Mohd Noor    | ..... | Timbalan Setiausaha     |
| (5) Saudara Mun Chee Wah       | ..... | Bendahari               |
| (6) Saudara Jan Yoo Fatt       | ..... | Ahli Jawatankuasa Kerja |
| (7) Saudara S.V. Lingam        | ..... | -do-                    |
| (8) Saudara Chhee Chan Ngoh    | ..... | -do-                    |
| (9) Saudara Wong Yong Koon     | ..... | -do-                    |
| (10) Saudara Shah              | ..... | -do-                    |
| (11) Saudara Amat Hussein      | ..... | -do-                    |
| (12) Saudara Mohd Noor         | ..... | -do-                    |
| (13) Saudara Syed Jabok        | ..... | -do-                    |
| (14) Saudara Arshed Zainal     | ..... | -do-                    |
| (15) Saudara Alwee Hj Dahari   | ..... | -do-                    |
| (16) Saudara Chan Chee Kuan    | ..... | -do-                    |
| (17) Saudara Muruggappa V      | ..... | -do-                    |
| (18) Saudara Mak Sun Nam       | ..... | -do-                    |
| (19) Saudara Samuel Chong Kuan | ..... | -do-                    |
| (20) Saudara Werman Victor     | ..... | -do-                    |
| (21) Saudara V Ganesan         | ..... | -do-                    |

Perhatian:- Lapuran Jawatankuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa. Minta di maafkan atas perkara ini.

Syarikat Cycle and Carriage Industries (M) Sdn Bhd, Petaling Jaya,  
Selangor

Nama nama Ahli

Jawatan Rasmi

- |                                 |       |                       |
|---------------------------------|-------|-----------------------|
| (1) Saudara Abd Hadi Sallim     | ..... | Pengerusi             |
| (2) Saudara Zaini               | ..... | <del>Setiausaha</del> |
| (3) Saudara Ariffin Busu        | ..... | Bendahari             |
| (4) Saudara Kow Wei Teck        | ..... | Ahli J/kuasa Kerja    |
| (5) Saudara Ramalingan Nadeson  | ..... | -do-                  |
| (6) Saudara Albert Phannu Deng  | ..... | -do-                  |
| (7) Saudara Wan Wah Sui         | ..... | -do-                  |
| (8) Saudara Ahmad Lufti Amran   | ..... | -do-                  |
| (9) Saudara Idris Ahmad         | ..... | -do-                  |
| (10) Saudara Suleiman A. Rahman | ..... | -do-                  |

Perhatian:- Lapuran Jawatankuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa. Min maaf di atas perkara ini.

Syarikat Champion Motors (M) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

Nama nama Ahli

Jawatan Rasmi

- |                             |       |                     |
|-----------------------------|-------|---------------------|
| (1) Saudara Michael Sammy   | ..... | Pengerusi           |
| (2) Saudara Wong Teck Min   | ..... | Timbalan Pengerusi  |
| (3) Saudara Othman Sani     | ..... | Setiausaha          |
| (4) Saudara Chan Meng Chye  | ..... | Timbalan Setiausaha |
| (5) Saudara Hairi Suleiman  | ..... | Bendahari           |
| (6) Saudara Ahmad Abu Bakar | ..... | Ahli J. Kuasa Kerja |
| (7) Saudara Kassim Kechik   | ..... | -do-                |
| (8) Saudara Hashim Karim    | ..... | -do-                |
| (9) Saudara Busin           | ..... | -do-                |
| (10) Saudara Sin Thiam Huat | ..... | -do-                |
| (11) Saudara Lim Ah Seng    | ..... | -do-                |
| (12) Saudara Mohammad Moon  | ..... | -do-                |
| (13) Saudara Halim June     | ..... | -do-                |
| (14) Saudara Osman Mat Soom | ..... | -do-                |
| (15) Saudara Maniam         | ..... | -do-                |
| (16) Saudara Goon Wing Hong | ..... | -do-                |
| (16) Saudara Arumugam       | ..... | -do-                |
| (17) Saudara Musa           | ..... | -do-                |
| (18) Saudara Mat Soom       | ..... | -do-                |
| (19) Saudara Salmah Uddin   | ..... | -do-                |
| (20) Saudara Ismail         | ..... | -do-                |
| (21) Saudara Kasmani        | ..... | -do-                |

Perhatian:- Lapuran di terima. Oleh kerana kesuntukan masa maka tidaklah dapat ci cetakan. Mintadimaafkan di atas perkara ini.

Syarikat Kilang Pembina2 Kereta2 (M) Sdn Bhd, Johore Bahru, Johore

Nama nama Ahli

Jawatan Rasmi

- |                                  |       |                     |
|----------------------------------|-------|---------------------|
| (1) Saudara Ismail Jakun         | ..... | Pengerusi           |
| (2) Saudara Othman Omar          | ..... | Timbalan Pengerusi  |
| (3) Saudara Balakrishnan P.      | ..... | Setiausaha          |
| (4) Saudara Sheik Ahmad Mansor   | ..... | Timbalan Setiausaha |
| (5) Saudara Thomas Lee Kian Fatt | ..    | Bendahari           |

- (6) Saudara Abu Hassan Ahmad ..... Ahli J/kuasa Kerja
- (7) Saudara Salleh Hj Wahab ..... -do-
- (8) Saudara Rashid Harun ..... -do-
- (9) Saudara Supramani V ..... -do-
- (10) Saudara Leo V Lourdes ..... -do-
- (11) Saudara Ungku Yunus ..... -do-
- (12) Saudara Asmah Ismail ..... -do-
- (13) Saudara Ibrahim Ahmad ..... -do-
- (14) Saudara Radhakrishnan Pillay ..... -do-
- (15) Saudara Salleh Rashid ..... -do-
- (16) Saudara Alludin Ibrahim ..... -do-

Perhatian:- Laporan J/kuasa Kerja di terima kesuntukan masa maka tidaklah dapat di catetkan. Minta di maafkan atas perkara ini.

Syarikat General Motor Industries (M) Sdn Bhd, Johore Bahru, Johore

Nama nama Ahli

Jawatan Rasmi

- (1) Saudara Kassim Awang ..... Pengerusi
- (2) Saudara Abdullah Ismail ..... Timbalan Pengerusi
- (3) Saudara Tahir Hj. Datuk Md ..... Setiausaha
- (4) Saudara Ahmad Hj Othman ..... Timbalan Setiausaha
- (5) Saudara MdSoom Samsuddin ..... Bendahari
- (6) Saudara Syed Md Hood ..... Ahli Jawatankuasa Kerja
- (7) Saudara Kamaruddin Bahrum ..... -do-
- (8) Saudara Choo Hock Chai ..... -do-
- (9) Saudara Ong Teck Tang ..... -do-
- (10) Saudara Maimunah Lambak ..... -do-

Perhatian:- Laporan Jawatankuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa. Minta di maafkan di atas perkara ini.

Syarikat Honda Motor Assembly (M) Sdn Bhd, Butterworth, Penang

Nama nama Ahli

Jawatan Rasmi

- (1) Saudara Goh Pak Chye ..... Pengerusi
- (2) Saudara Zainal Abiddin ..... Timbalan Pengerusi
- (3) Saudara Ooi Peng Cheang ..... Setiausaha
- (4) Saudara Foo Won Wie ..... Timbalan Setiausaha
- (5) Saudara Loh Chai Leong ..... Bendahari
- (6) Saudara Koay Weng Heng ..... Ahli J.kuasa Kerja
- (7) Saudara Weng Heng ..... -do-
- (8) Saudara Ariffin ..... -do-
- (9) Saudara Chuah Hooi Leong ..... -do-
- (10) Saudara Robert Chew ..... -do-
- (11) Saudara Leong Choon Seah ..... -do-

Perhatian:- Laporan Jawatankuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa. Minta di maafkan di atas perkara ini.

Syarikat Hercules Automotive Engineers (M) Sdn Bhd, Petaling Jaya,  
Selangor

<u>Nama nama Ahli</u>	.....	<u>Jawatan Rasmi</u>
(1) Saudara Manickam Thangavelu	.....	Pengerusi
(2) Saudara Woon Kong Seng	.....	Timbalan Pengerusi
(3) Saudara Roman Ropheel Nunis	.....	Setiausaha
(4) Saudara Allias Sallim	.....	Bendahari
(5) Saudara Zakaria Gazali	.....	Ahli J/kuasa Kerja

Perhatian:- Laporan J. Kuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa.  
Minta di maafkan di atas perkara ini.

Syarikat Hergill Engineering (M) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

<u>Nama nama Ahli</u>	.....	<u>Jawatan Rasmi</u>
(1) Saudara Jonit Kidum	.....	Pengerusi
(2) Saudara Cheang Siang	.....	Timbalan Pengerusi
(3) Saudara Phoon Chong Lai	.....	Setiausaha
(4) Saudara Choo Kok Leong	.....	Timbalan Setiausaha
(5) Saudara Tan Yik Kong	.....	Bendahari
(6) Saudara Yew See Fook	.....	Ahli J/kuasa Kerja
(7) Saudara Yap Piang Khim	.....	-do-
(8) Saudara Harun Wwang Besar	.....	-do-
(9) Saudara Latiff Rentah	.....	-do-

Perhatian:- Laporan Jawatankuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa. Minta di maafkan di atas perkara ini.

Syarikat Cwela (M) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

<u>Nama nama Ahli</u>	.....	<u>Jawatan Rasmi</u>
(1) Saudara Zainal Abiddin Hassan	.....	Pengerusi
(2) Saudara Abd Hamid Yeop Moiddin	.....	Timbalan Pengerusi
(3) Saudara Arumugam	.....	Setiausaha
(4) Saudara Isa Hashim	.....	Bendahari
(5) Saudara Mohd Jan Fabin	.....	Ahli J/kuasa Kerja
(6) Saudara A Bakar Omar	.....	-do-
(7) Saudara Md Isa Idris	.....	-do-
(8) Saudara Taib Mohd	.....	-do-
(9) Saudara Salleh Ismail	.....	-do-
(10) Saudara Ainun Iskandar	.....	-do-

Perhatian:- Laporan Jawatankuasa Kerja tidak di terima kerana kesuntukan masa. Di minta maaf di atas perkara ini.

Syarikat Swediah Motor Industries (M) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor

<u>Nama nama Ahli</u>	.....	<u>Jawatan Rasmi</u>
(1) Saudara A Bakar Lassim	.....	Pengerusi
(2) Saudara Md Suradi Md Shair	.....	Setiausaha
(3) Saudara M Fajar Musa	.....	Timbalan Setiausaha
(4) Saudara Khaliddin Musa	.....	Bendahari
(5) Saudara Md Rais Hj Jabar	.....	Ahli J/kuasa Kerja
(6) Saudara Ishak Mariman	.....	-do-
(7) Saudara Chan Yeo Thong	.....	-do-
(8) Saudara R Maideen Md Ibrahim	.....	-do-
(9) Saudara Johan Suleiman	.....	-do-
(10) Saudara Rahmat Unchi Rahman	.....	-do-
(11) Saudara Asmuae Hasron	.....	-do-

PERTIKAIAN

Saya fikir bahawa tahun 1974 adalah satu tahun yang tidak begitu baik kepada Kesatuan kita.

Pada hari Jumaat 18hb. Februari, 1974, seorang daripada kaki tangan Pejabat kita Saudara Omar bin Nordin telah mendapat kemalangan jalan raya semasa menjalankan tugasnya. Beliau telah meninggal dunia.

Sepeninggalan beliau, keluarga beliau menghadapi masa hadapan yang gelap bagaimana hendak memberi penangungan kepada lima orang anak. Kami mengetahui kesukaran yang di hadapi oleh keluarga beliau. Dengan serta merta kami membuat kutipan kilat dari ahli ahli kita yang telah begitu bermurah hati mengeluarkan derma. Ini di buat dari semua kilang.

Wang kutipan derma ini telah di serahkan kepada bahu beliau. Penyerahan pertama telah di buat pada 13hb. Julai, 1974. Sebanyak \$300.00 dan yang kedua pada 23hb. Julai bertempat di Pejabat Peguam Kesatuan. Wang Penyerahan yang kedua ialah sebanyak \$1,713.25. Penyerahan ini telah di saksikan oleh saudara Basri bin Hj. Ahmad, Wong Teck Min dan Joseph Ambrose, Pegawai Perhubungan Perusahaan Kesatuan kita.

Jawatankuasa Tertinggi menyampaikan terima kasih kepada semua ahli ahli dari semua kilang, kerana memberi bantuan yang cermelang ini.

Fasal kemalangan ini, pehak Jawatankuasa Tertinggi telah membuat beberapa persediaan untuk mendapatkan keadilan dengan saksama.

SYARIKAT HARGILL ENGINEERING (M) SDN. BHD

Satu kejadian yang mendukacitakan telah berlaku di Syarikat ini dimana semua ahli ahli kita telah di buang kerja pada 31hb. Mei, 1974. Pemuangan kerja beramai ramai ini adalah di sebabkan oleh ahli ahli pergi mendapatkan rawatan beramai-ramai. Kejadian ini telah dibawa ke perhatian Eksko. Dengan serta merta mereka campurtangan, cuba menyelesaikan perkara ini.

Apabila ahli-ahli ini mula berpiket di luar kawasan kilang, maka Ibu Pejabat Kesatuan terpaksa menolong mereka ini dengan bantuan keawangan. Pihak Exko, telah mencadangkan untuk menghulurkan pertolongan keawangan untuk membolehkan mereka membeli barang-barang. Kegunaan sehari-hari.

Kami meminta Kementerian yang berkenaan campurtangan bagi menyelesaikan masaalah ini. Di masa mesyuarat bersama dengan Majikan tidak ada apa-apa penyelesaian.

Kemudian, satu lagi mesyuarat bersama diadakan oleh Kemeterian Buruh dan Tenaga Rakyat. Kali ini berjaya, 178 orang pekerja-pekerja dari 202 telah dipersetujui oleh Majikan untuk bekerja semula. Tetapi, 24 orang lagi ditinggalkan dahulu. Perkara ini telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Apakah akan terjadi kepada nasib mereka dimasa depan.

Oleh kerana tiada penyelesaian terhadap 24 orang pekerja, pihak Exko telah bercadang hendak mengambil tindakan peringkat nasional untuk memberi sokongan kepada pekerja-pekerja Hargill Engineering. Sebelun, kami torbuat demikian terlebih dahulu kami telah ribitkan olah pihak Kementerian dan pihak Pendaftaran Kesatuan Sekerja Malaysia supaya jangan mengambil tindakan itu, jikalau tidak Kesatuan kita akan disingkirkan dari pendaftaran tanpa memberi apa-apa amaran lagi.

Dimasa saya menyiapkan laporan ini, perkara ini telah pun diserahkan kepada Mahkamah Perusahaan. Maka hanyalah menunggu masa apakah keputusan setelah pendengaran dibuat pada 24hb September, 25hb September dan 26hb September, 1974. Mahkamah sahaja akan menentukannya.

Tindakan seperti ini yang diambil secara bersendirian, oleh ahli-ahli kita di Hargill Engineering adalah menjadi satu tauladan kepada ahli-ahli kita yang lain jangan mengambil tindakan secara bersendirian. Oleh itu, saya menyeru kepada saudara sekalian fikirilah dua kali sebelum mengambil tindakan. Jika saudara sekalian hendak mengambil apa-apa tindakan, lebih baik saudara terlebih dahulu mendapat nasihat dari jawatankuasa tertinggi. Janganlah melemarkan diri dalam arus yang kuat. Sebagaimana saudara sekalian telah mengetahui, bahawa undang-undang Buruh di negara lebih mementingkan hak-hak Majikan dan bukan Kesatuan. Oleh itu saudara sekalian sepatutnya memahami akan kedudukan kesatuan yang sebenarnya.

CHAMPION MOTORS INDUSTRIES (M) SDN BHD

Pekerja-pekerja di Syarikat Champion Motors telah mengambil tindakan perusahaan kerana memperjuangkan Elaun Sara Hidup dan juga memendekkan masa kerja mereka. Pihak Majikan telah bersetuju akan permintaan mereka. Dengan kejayaan mereka, perjanjian ini telah ditandatangani bersama diantara Kesatuan dengan Majikan. Bagi pihak Kesatuan ialah seperti berikut :-

- |    |                          |     |                       |
|----|--------------------------|-----|-----------------------|
| 1. | Saudara Basri Hj Ahmad   | ... | Presiden              |
| 2. | Saudara A. Arumugam      | ... | Setiausaha Agung      |
| 3. | Saudara Michael s/o Samy | ... | Ahli Exko             |
| 4. | Saudara Kassim Kechik    | ... | Setiausaha J/K/Keraja |

Perjanjian bersama ini telah ditandatangani di Pejabat Pegawai Perhubungan Perusahaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, pada 10hb September, 1975.

ELAUN SARA HIDUP

Pekerja-pekerja di Malaysia sungguh merasa sengsara disebabkan kenaikan harga barang-barang kegunaan sehari-hari. Di saat ini, pihak Majikan telah dapat keuntungan yang banyak dan kemudian dihantar keluar negeri.

Memandangkan kepada keadaan hebat ini, maka pihak Kerajaan telah mencadangkan untuk mengeluarkan satu undang-undang meminta semua majikan memberi elaun sara hidup khas kepada pekerja-pekerja mereka.

Sebelum undang-undang ini dilaksanakan kami telah mengadakan perbincangan dengan kesatuan Pemasang Kereta-Kereta Motor, Malaysia dan telah bersetuju membuat pembayaran pada mulai bulan Oktober, 1973. Tetapi, ini ditolak oleh majikan. Kemudian, kami berjumpa lagi di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Ini berjalan masa buat beberapa kali.

Kami telah mencadangkan kepada majikan, iaitu pembayaran ini dibuat seperti dibawah ini :-

1. Pekerja-pekerja yang menerima gaji \$300/= kebawah - elaun dibayar \$30/=
2. Pekerja-pekerja yang menerima gaji \$301/= keatas - elaun dibayar \$25/=

Tiap-tiap pekerja dibayar 40% daripada gaji bulanan mereka, sepertimana dicadangkan oleh Kesatuan, tetapi ini juga tidak dipersetujui oleh Majikan.

Oleh itu, sekali lagi kami bertemu dengan majikan beberapa kali, di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Apabila kegagalan ini didapati oleh pekerja-pekerja kita disemua kilang, dengan serta merta mengambil tindakan bekerja perlahan-lahan dengan cara bersendirian. Tindakan ini adalah bertindakan bagi perjuangan mereka mengenai bayaran KOLA. Mereka mengambil tindakan tanpa mendapat apa-apa arahan dari jawatankuasa tertinggi dengan secara otomatik pengeluaran dari semua kilang telah merusut.

Setelah menyedari hal ini, majikan-majikan telah melapurkan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Tan Sri Manickavasagam. Beliau telah menjemput kami untuk bermesyuarat dengan sefta-merta. Didalam mesyuarat ini dihadapan semua majikan. Beliau berkata mana-mana pemimpin Kesatuan yang berkepala batu akan dimasukkan dalam penjara. Dan pekerja-pekerja yang tidak mendengar arahan-arahan penyelia mereka hendaklah dibuang kerja dengan serta merta. Dan jika pemimpin lain yang mendesak untuk melaksanakan tindakan ini maka kesatuan akan disingkirkan dari pendaftaran nya.

Dengan arahan Yang Berhormat Menteri sendiri, pekerja semua telah disuruh balik bekerja dan mengeluarkan hasil yang biasa.

Seminggu kemudian, kesatuan kita telah menerima satu surat dari Pendaftar Kesatuan Sekerja dengan sekerasnya mencrangkan, jika pihak Exko tidak dapat memberi penjelasan dengan terang, didalam masa seminggu maka kesatuan kita akan disingkirkan dari pendaftarannya.

Akhirnya, majikan telah bersetuju untuk membayar elaun seperti berikut :-

1. Pekerja yang menerima bawah \$301/= mendapat elaun \$30/=
2. Pekerja yang menerima keatas \$301/= mendapat elaun \$25/=

Bayaran berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1973.

Perjanjian ini telah di tandatangani di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dengan di saksikan oleh Incik J.D. Kirunathan, Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

WAKIL WAKIL BAGI PIHAK KESATUAN

1.	Saudara Basri Hj. Ahmad	...	Presiden
2.	Saudara A. Arumugam	...	Setiausaha Agung
3.	Saudara Mun Chee Wah	...	Bendahari
4.	Saudara Osman Md Nor	...	Ahli Jawatankuasa Tertinggi
5.	Saudara Micheal Foong Chin Bee	..	"
6.	Saudara Abdul Hadi Salim	...	"
7.	Saudara Balakrishnan P.	...	"
8.	Saudara Md. Tahir	...	J/K/Kerja Kilang
9.	Saudara Lim Fook Kwan	...	J/K/Kerja Kilang

ORGANASASI

Sebaik baik sahaja kami mengambil peralihan pertadbiran dalam tahun 1975. Saudar Wong Teck Min menubuhkan Kesatuan di Kilang, United Motor Works.

16 orang pekerja di Syarikat ini telah menjadi mangsa kerana kegiatan aktiv beliau. Majikan telah mengetahui yang kesatuan kita akan di wujudkan di Kilangnya.

Pada hari kedua sedang ahli ahli kita berkumpul di luar kawasan ini, dengan tidak mena mena sekumpulan orang yang tidak di kenali merempoh kepada mereka. Dan mulai memukul ahli ahli kita. Dengan serta merta ahli ahli kita mulai bersurai dari tempat itu. Majikan UMW juga telah melapurkan perkara ini kepada polis.

Selepas kejadian ini, kami telah mendapat tahu yang pehak majikan telah mengujudkan kesatuan mereka sendiri. Setrusnya, kami menyadari pekerja pekerja di syarikat ini tidak lagi member kerjasama mereka kepada kami, Oleh sebab itu kami fikir tidak seharusnya kami menzuskan maksud ini lagi.

Walaupun kami telah gagal dalam percubaan ini, kami percaya pada satu hari nanti pekerja pekerja UMW sendiri akan memecahkan tabir besi yang di megah megahkan oleh majikan itu.

Bagi menyelesaikan perkara dengan secepat mungkin, kami percaya bahawa majikan UMW telah membayar saku hati kepada pekerja pekerja yang telah kena buang kerja mereka yang berkaitan sungguh gembira kerana tiap tiap seorang dari mereka menerima bayaran sughati yang lumayan.

Walau bagaimana pun, perkara ini masih lagi di tangan Polis.

RALEIGH CYCLE (M) SDN BHD

Kesalinan kita telah di tubuhkan di Syarikat ini oleh Saudara Mun Chee Wah. Perjanjian Sekumpul telah di tandatangani pada 23hb. Mach, 1974. Yang Mewakili Kesatuan ini ialah:

- |    |                                |                             |
|----|--------------------------------|-----------------------------|
